

# Peristiwa Israk Mikraj tingkatkan ketakwaan



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (kiri) menyampaikan cenderamata kepada salah seorang ahli panel.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 April. - Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan salah satu peristiwa penting bagi umat Islam, kerana pada peristiwa inilah baginda mendapat perintah untuk menunaikan sembahyang lima waktu sehari semalam dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Israk dan Mikraj merupakan mukjizat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang mana ia adalah untuk menghiburkan hati Junjungan Besar Nabi Muhammad

untuk diambil iktibar dan teladan daripadanya agar jiwa umat Islam semakin mantap dan akan dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah.

Israk dan Mikraj merupakan mukjizat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, yang mana ia adalah untuk menghiburkan hati Junjungan Besar Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam kerana berlakunya pada tahun kesedihan Baginda.

Peristiwa Israk Mikraj itu juga merupakan satu peristiwa yang agung serta perjalanan Israk Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidil Haram hingga ke Masjidil Aqsa serta peristiwa Mikraj Baginda ke langit juga telah dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, yang mana kedua-dua peristiwa itu berlaku dalam masa yang singkat.

Demikian antara yang terkandung pada Majlis Forum bersempena Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang diadakan di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Forum bertajuk 'Sembahyang Meraih Berkat' itu telah dipengerusikan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis, APO Sarjan 6472 Mohamad Yusri bin Haji Abu Bakar dan dua jemputan ahli panel dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi dan Daie' Bertaullah dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) Awang Hilman bin Haji Salim.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam. Turut hadir, pengarah dan timbalan pengarah, pegawai-pegawai kanan dan anggota PDB.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Sarjan 6472 Mohamad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata oleh tetamu kehormat kepada jemputan ahli panel dan diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis Forum Sambutan Israk dan Mikraj ini diketuai oleh Badan Ugama Islam, PDB.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

## Kemalangan ragut nyawa seorang penunggang motosikal



KEMALANGAN yang berlaku di Jalan Junjongan, Kampung Lumapas yang melibatkan penunggang motosikal dan sebuah kereta jenis Mitsubishi Pajero Sport.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin 16 April. - Seorang lelaki tempatan berumur 27 tahun telah meninggal dunia dalam satu kemalangan yang berlaku di Jalan Junjongan, Kampung Lumapas.

Perkara ini dinyatakan oleh Daerah Polis Brunei Muara, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), pada Sidang Media yang berhubung satu kes kemalangan lalu lintas yang meragut satu nyawa di kawasan Jalan Junjongan, Kampung Lumapas. Sidang yang diadakan di Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan, disampaikan oleh Pemandu Pemrintah Daerah Polis Brunei Muara, Timbalan Penguasa Polis (DSP) Hamidon bin Haji Ibrahim.

Balai Polis Limau Manis telah menerima panggilan dari Talian Kecemasan 993 pada Ahad, 15 April sekitar jam 4.51 petang, melibatkan satu kemalangan berlaku di kawasan Jalan Junjongan hala ke Bandar Seri

Begawan. Hasil siasatan awal pihak polis mendapati kemalangan tersebut mengakibatkan pelanggaran antara sebuah kereta jenis Mitsubishi Pajero Sport dengan sebuah motosikal jenis SYM Magic. Mangsa (penunggang motosikal) seorang lelaki tempatan berumur 27 tahun telah meninggal dunia disebabkan kecederaan yang serius di bahagian kepala mangsa.

PDB menasihati kepada pengguna jalan raya untuk mematuhi peraturan lalu lintas, terutama sekali untuk tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu dan memastikan sentiasa menggunakan topi keledar semasa menunggang motosikal dan mengikut had laju yang ditetapkan.

Para pemandu juga ditekankan untuk berhati-hati dan berwaspada semasa memandu, terutama sekali ketika cuaca tidak mengizinkan seperti hujan lebat atau cuaca buruk.



MAJLIS Forum bersempena Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang diadakan di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.



**LENSA**  
Awa kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :  
**pelita.brunei@information.gov.bn**
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

- 1) 'Peralatan Untuk Melukis' - Tarikh Tutup : 28 April 2018
  - 2) 'Sukarelawan' - Tarikh Tutup : 12 Mei 2018
  - 3) 'Sukan dan Riadah' - Tarikh tutup 28 Mei 2018
- Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



## Pendaftaran Peperiksaan Brunei Cambridge G.C.E Peringkat 'O', 'AS', 'A' dan IGCSE Oktober / November 2018

Siaran Akhbar :  
Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 April. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan telah membukakan pendaftaran bagi Peperiksaan Brunei Cambridge G.C.E Peringkat 'O', 'AS', 'A' dan IGCSE bagi bulan Oktober / November 2018 bermula Isnin, 16 April 2018 hingga Selasa, 5 Jun 2018.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka atau melalui portal rasmi Kementerian Pendidikan di [www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn). Borang-borang yang telah lengkap diisi bersama dokumen-dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan tidak lewat pada Selasa, 5 Jun 2018.